



Faculty of Applied and Creative Arts

**SIGNIFIKASI BUDAYA DALAM RUMAH INAP KAMPUNG LONEK :
SUMBANGAN DALAM MELESTARIKAN WARISAN SETEMPAT DI
NEGERI SEMBILAN**

NURUL AIDA BINTI KASMAN

40188

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

2016

**SIGNIFIKASI BUDAYA DALAM RUMAH INAP KAMPUNG LONEK:
SUMBANGAN DALAM MELESTARIKAN WARISAN SETEMPAT DI
NEGERI SEMBILAN**

NURUL AIDA BINTI KASMAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2016.

Student's Declaration:

I, **NURUL AIDA BINTI KASMAN 40188, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF**.....hereby declare that the work entitled, **SIGNIFIKASI BUDAYA DALAM RUMAH INAP KAMPUNG LONEK**.....

SUMBANGAN DALAM MELESTARIKAN WARISAN SETEMPAT DI NEGERI SEMBILAN.....is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

NURUL AIDA BINTI KASMAN (40188)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I, **PUAN RAHAH BINTI HASAN**..... hereby certifies that the work entitle..... **SIGNIFIKASI BUDAYA DALAM RUMAH INAP KAMPUNG LONEK:**..... **SUMBANGAN DALAM MELESTARIKAN WARISAN SETEMPAT DI NEGERI SEMBILAN**..... was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of..... **IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI)**..... and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **PUAN RAHAH BINTI HASAN** Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

Supervisor signature: _____

Current Address:

NO.88 BLOK 5 (F) PALONG SEBELAS,
73430 GEMAS, NEGERI SEMBILAN

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**Signifikasi Budaya Dalam Rumah Inap Kampung Lonek: Sumbangan Dalam Melestarikan Warisan Setempat di Negeri Sembilan**” telah disediakan oleh **Nurul Aida Binti Kasman** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Rahah Hasan)

Tarikh: _____

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang di pameran dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(NURUL AIDA BINTI KASMAN)

40188

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Assalammualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, Penyelidikan Tahun Akhir Pengurusan Seni disiapkan dengan jayanya. Sokongan yang tidak berbelah bagi yang diberikan oleh semua pihak telah menjadi pembakar semangat saya untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Di kesempatan ini, saya dengan begitu berbesar hati ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Puan Rahah Binti Haji Hasan selaku penyelia penyelidikan saya kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat, dan bimbingan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya, saya berasa amat bertuah kerana telah berpeluang untuk menimba ilmu yang manfaat.

Seterusnya, penghargaan terima kasih buat bonda, Fuzilah Binti Tukimin, kemudian ayahanda tercinta, Kasman Bin Badri, serta seluruh ahli keluarga yang memberikan semangat, sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan.

Sekalung penghargaan juga kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya Muhammad Afiq Bin Mazalan, Ain, Nurfarhana, Aishah Nadhirah, Siti Aminah, Lilipitriama, Azzyra, Rose Amira, kalian insan-insan luar biasa yang banyak membantu yang tidak mungkin akan saya lupakan.

Akhir sekali terima kasih kepada pihak pengurusan Homestay Kampung Lonok, Negeri Sembilan dan pihak-pihak yang terlibat secara tidak langsung yang memberikan kerjasama dan telah banyak membantu saya sepanjang penyelidikan dijalankan. Moga-moga, usaha ini bermanfaat buat ummat dan diterima Allah sebagai saham akhirat yang berkekalan.

JADUAL KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT	
PENGESAHAN		
PENGAKUAN		
PENGHARGAAN	i	
JADUAL KANDUNGAN	iii	
SENARAI JADUAL	vii	
SENARAI RAJAH	viii	
SENARAI GAMBAR	ix	
ABSTRAK	xi	
ABSTRACT	xii	
BAB 1	PENGENALAN	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Lokasi Kajian	8
1.7	Limitasi Kajian	10
1.8	Kerangka Konseptual	12
1.9	Kepentingan Kajian	14

BAB 2 SOROTON KESUSASTERAAN

2.1	Pengenalan	15
2.2	Budaya	16
2.3	Warisan	17
2.4	Pengurusan	18
2.5	Konsep Homestay	22
2.6	Penglibatan Komuniti	26
2.7	Tarikan Homestay	33
2.8	Perkembangan Homestay di Malaysia	39
2.9	Kesimpulan	42

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	43
3.2	Kajian Kualitatif	44
3.3	Kajian Perpustakaan	45
3.3	Kajian Kerja Lapangan	46
3.3.1	Kaedah Pemerhatian	46
3.3.2	Kaedah Temu bual/Temu ramah	46
3.4	Populasi	49
3.5	Instrumen Kajian	50
3.6	Kesimpulan	51

BAB 4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	52
4.2	Analisis Faktor Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Kebudayaan	53
4.3	Faktor Utama	55
4.4	Faktor Sekunder	62
4.5	Faktor Potensi	68
4.6	Analisis Signifikasi Aktiviti dan Program Homestay	76
4.4	Kesimpulan	82
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Rumusan	101
5.2	Cadangan Kepada Organisasi	104
5.2.1	Promosi	104
5.2.2	Penambahan Pelbagai Aktiviti yang Menarik	106
5.2.3	Mengadakan Program Kesedaran	106
5.2.4	Menganjurkan kempen dan Bengkel	107
5.2.5	Kerjasama dengan Pihak Agensi-Agensi Luar	109
5.2.6	Mengadakan Lawatan	110
5.3	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	111

RUJUKAN	112
LAMPIRAN A	116
LAMPIRAN B	118
LAMPIRAN C	119

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Senarai Responden yang Ditemu Bual Semasa Kajian	48
Jadual 2	Faktor Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Kebudayaan	54
Jadual 3	Pertubuhan Persatuan Masyarakat Kampung Lonek	59
Jadual 4	Jenis Kemudahan yang Terdapat di Kampung Lonek	75
Jadual 5	Program Aktiviti Promosi Homestay Kampung Lonek 2014-2015	77
Jadual 6	Pencapaian Tertinggi setiap tahun Homestay Kampung Lonek 2004-2016	94
Jadual 7	Rekod Kunjungan Pelancongan Homestay Kampung Lonek dari tahun 2005 hingga 2015	97

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Lokasi Homestay Kampung Lonek	8
Rajah 2	Prinsip Pendorong Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Kebudayaan	53

SENARAI GAMBAR

Gambar 1	Sambutan selamat datang ke Homestay Kg.Lonek	57
Gambar 2	Rumah tradisional Minangkabau	62
Gambar 3	Tugu Homestay Kampung Lonek	64
Gambar 4	Balairaya yang berkonsepkan bumbung Minangkabau	64
Gambar 5	Pintu Gerbang Lama Homestay Kampung Lonek	65
Gambar 6	Pintu Gerbang Utama Homestay Kampung Lonek	65
Gambar 7	Pemandangan kawasan sawah padi di Kg.Lonek pada waktu pagi	69
Gambar 8	Pemandangan kawasan sawah padi di Kg.Lonek pada waktu senja	69
Gambar 9	Pelancong dibawa menaiki trem untuk melihat kawasan persekitaran kampung	71
Gambar 10	Penerangan dan demonstrasi cara menoreh getah	71
Gambar 11	Pembuatan pasu dan tembikar	71
Gambar 12	Penghasilan alatan parang dan keris	72
Gambar 13	Ternakan Lebah Kelulut	72
Gambar 14	Pemprosesan Mee kuning	72
Gambar 15	Kedai cenderahati Homestay Kampung Lonek	73
Gambar 16	Teratak Pendeta Za'ba	73
Gambar 17	Persembahan Bongai daripada Kumpulan Kebudayaan	82

Kampung Lonek

Gambar 18	Pelancong diajar untuk bermain muzik tradisional	83
Gambar 19	Pelancong memakai pakaian tradisional masyarakat Melayu untuk membuat persembahan	83
Gambar 20	Pelancong belajar bermain alat muzik tradisional untuk membuat persembahan Bongai	83
Gambar 21	Pelancong menikmati makanan tradisional beramai-ramai dengan masyarakat kampung	85
Gambar 22	Membuat kuih tradisional	85
Gambar 23	Pelancong mengambil peluang membuat lemang	86
Gambar 24	Mengacau Dodol	86
Gambar 25	Pelancong belajar cara menganyam ketupat	86
Gambar 26	Mengoca ikan	88
Gambar 27	Menarik Upih	89
Gambar 28	Permainan Semakin Jauh Semakin Sayang	89
Gambar 29	Lawatan ke sawah padi	89
Gambar 30	Mengemping Padi	90
Gambar 31	Menumbuk padi menggunakan lesung kayu tradisional	90

ABSTRAK

Kajian ini mengenalpasti signifikansi budaya dan aktiviti yang dilaksanakan untuk melestarikan warisan setempat di Negeri Sembilan oleh Homestay Kampung Lonek. Kaedah kualitatif yang digunakan membuktikan bahawa, dengan adanya penglibatan masyarakat elemen budaya dan warisan turun temurun dapat dipelihara melalui pelaksanaan aktiviti dan program kebudayaan yang disertai oleh semua peringkat masyarakat di Homestay Kampung Lonek ini.

ABSTRACT

This study examined the significance of culture activities executed by homestay to preserve the local heritage at Homestay Kampung Lonek in Negeri Sembilan,. This research used qualitative methods to prove that, with the involvement of elements of the culture and heritage can be preserved from generation to generation through the implementation of activities and cultural programs are accompanied by all levels of society in Homestay Kampung Lonek.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang multikultural dengan kepelbagaian budaya dan masyarakat yang majmuk seperti Melayu, Cina, India, dan etnik asli di Sabah dan Sarawak seperti Kadazan, Iban, Melanau, Punan dan sebagainya. Setiap ras dan etnik mempunyai keunikan budaya yang tersendiri yang mengamalkan cara hidup berlainan dan turut membentuk suatu entiti berasaskan kaum sendiri dalam lingkungan komuniti yang luas. Keunikan budaya ini dapat menarik pelancong untuk datang melihat sendiri dan merasai pengalaman tentang kebudayaan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, Kementerian Pelancongan memainkan peranan penting dengan mengambil inisiatif dalam pembangunan program homestay di Malaysia yang mempunyai potensi besar dalam industri pelancongan. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM28.9 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) bagi tahun 2006 hingga 2010 dan peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Kedua Homestay untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2009 dan 2010 dalam menggalakan penglibatan komuniti dalam program homestay (Suriani Che Ismail, Jabil Mapjabil, dan Tarmiji Masron, 2014).

Homestay atau rumah inap adalah gabungan perkataan '*home*' yang bermaksud rumah dan '*stay*' yang bermaksud tinggal. Selain itu, istilah rumah inap di luar negara mempunyai pelbagai terma yang digunakan bagi merujuk kepada penginapan pelancong yang tinggal bersama tuan rumah seperti farm stay, home visit system, agrocultural homestay, *bed and breakfast* iaitu pelancong hanya datang menginap dan menikmati sarapan pagi sahaja (Norliza Aminuddin & Salamiah A. Jamal, 2006).

Program homestay adalah salah satu produk pelancongan desa yang berasaskan kepada penglibatan komuniti dalam membangunkan masyarakat luar bandar. Program homestay menawarkan pengalaman dan gaya hidup masyarakat kampung kepada pelancong, sekaligus menjalin hubungan yang baik antara masyarakat dengan pelancong (Jabil et. al, 2011). Mereka juga akan dapat menikmati pelbagai pengalaman menarik hidup di kampung termasuk mempelajari cara memasak sajian tradisi, didedahkan dengan adat resam masyarakat Melayu dan pelbagai permainan serta kegiatan tradisional masyarakat Melayu (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2011).

Rumah inap di Malaysia adalah program pelancongan yang menawarkan kemudahan penginapan kepada pelancong yang tinggal bersama keluarga tuan rumah yang dipilih dan berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup keluarga angkat tersebut dan kebudayaan secara langsung (Hasan Abdullah, Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Muhammad Rozi Malim, dan Juwahir Ali, 2013).

Homestay adalah satu bentuk penginapan tempat tinggal alternatif yang ditawarkan kepada pelancong membolehkan para pelancong dari luar negara berpeluang untuk mengalami sendiri cara kehidupan seharian dengan tinggal bersama masyarakat tempatan, di samping membolehkan pelancong mengenal aktiviti kebudayaan tradisional masyarakat setempat dan menikmati keindahan suasana kampung (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2010). Kini, homestay telah terbuka kepada sesiapa sahaja yang memerlukan tempat penginapan dan tidak hanya kepada pelancong asing sahaja (Johan Afendi Ibrahim dan Mohammad Zaki Ahmad, 2009).

Homestay adalah di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar bermatlamat menggalakkan penglibatan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan. Program homestay adalah sebuah program pelancongan desa yang mula dikesan seawal tahun 1970-an dan bermula di Kampung Cherating Lama, Pahang oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan Malaysia. Program homestay menawarkan penginapan alternatif pada tahun 1988 dan secara rasminya, program ini telah dilancarkan pada tahun 1995 oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia di Temerloh, Pahang.

Sehingga Mei 2010, terdapat sejumlah 227 buah kampung dan 2984 orang peserta yang terlibat secara berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia. Pemilihan kampung yang terlibat dibuat secara teliti dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan bagi memastikan hanya homestay Malaysia yang terunggul diketengahkan (Kementerian Pelancongan Malaysia,

2010). Tujuan utama program homestay ini dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia adalah bagi mengetengahkan adat dan peninggalan warisan serta budaya nenek moyang sesebuah kampung itu dan memberi pengalaman kepada pelancong merasai cara kehidupan dan mengetahui latar belakang kehidupan sesuatu tempat.

1.2 Permasalahan Kajian

Program homestay adalah salah satu konsep pelancongan berasaskan komuniti yang memupuk semangat perpaduan dan mendorong kemajuan pelancongan homestay. Antara faktor kegagalan dan penghalang program homestay dijalankan dan menyebabkan peserta dan pelancong berkurangan adalah kemahiran komunikasi dalam bahasa Inggeris (Hasan Abdullah, et al., 2013). Segelintir komuniti tempatan sukar untuk berinteraksi dengan pelancong kerana kurang mahir dalam komunikasi terutamanya penguasaan bahasa Inggeris. Kelemahan komunikasi oleh penduduk tempatan yang tidak mahir berbahasa asing menyukarkan untuk berinteraksi dengan peserta homestay dari luar negara (Choy, 2013).

Permasalahan seterusnya adalah kekurangan penglibatan golongan belia. Kebanyakan peserta komuniti setempat terdiri daripada golongan individu yang berusia 50 an ke atas yang sememangnya telah menetap di kawasan kampung. Kekurangan penglibatan golongan belia di kampung terhadap homestay boleh menyebabkan tiada pewaris generasi akan datang untuk mengekalkan keunikan kebudayaan dan warisan tradisi masyarakat turun temurun.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini telah mengenalpasti beberapa persoalan kajian yang diutarakan sebagai garis panduan kepada pelaksanaan kajian ini. Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti:

1. Apakah faktor-faktor yang mendorong penglibatan masyarakat di dalam aktiviti kebudayaan yang dijalankan di Homestay?
2. Bagaimanakah tahap penglibatan masyarakat setempat terhadap aktiviti dan program yang dilaksanakan di homestay?
3. Apakah aktiviti dan program kebudayaan yang dijalankan di Homestay Kg. Lonek?
4. Bagaimanakah penerimaan dan penglibatan masyarakat setempat terhadap aktiviti dan program yang dilaksanakan di homestay?
5. Apakah kesan aktiviti dan program yang dijalankan di homestay?

1.4 Objektif Kajian

Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji telah meletakkan beberapa objektif yang ingin dicapai dan dihasilkan pada akhir kajian ini. Antaranya adalah untuk

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong penglibatan masyarakat dalam aktiviti kebudayaan dijalankan di homestay.
2. Menganalisa signifikansi aktiviti dan program yang dijalankan oleh Homestay dalam memelihara budaya setempat.